Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 4, e002242
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2242

Isu Psikososial dalam kalangan Belia B40 di Fasa Pandemik COVID-19: Satu Tinjauan Sistematik

(Psychosocial Issues Among the Youth B40 Group During The COVID-19 Outbreak: A Systematic Literature Review)

Faisal Syafiq Azammuddin[1*], Noremy Md. Akhir[2]
Norulhuda Sarnon @ Kusenin[3]

[1]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: p108368@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: noremy@ukm.edu.my
[3]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: norul@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Faisal Syafiq Azammuddin
(p108368@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Psikososial
Sokongan Sosial
COVID-19
Golongan B40
Belia

KEYWORDS:
Psychosocial
Social Support
COVID-19
B40 Group
Youth

CITATION:
Faisal Syafiq Azammuddin, Noremy Md. Akhir & Norulhuda Sarnon @ Kusenin. (2023). Isu Psikososial dalam kalangan Belia B40 di Fasa Pandemik COVID-19: Satu Tinjauan Sistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(4), e002242. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2242

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti penyelidikan lepas yang diterbitkan berkaitan isu psikososial dalam kalangan golongan belia B40 ketika berlakunya wabak pandemik COVID-19. Penyelidik telah meneliti kajian literatur lepas bermula dari tahun 2014 hingga 2020 dengan menggunakan sumber rujukan seperti ResearchGate, Google Scholar, dan Education Resources Information Centre (ERIC) dengan jumlah keseluruhan tujuh belas kajian yang telah ditemui. Artikel yang telah dikumpulkan kemudian diteliti bagi memastikan artikel yang dipilih menepati fokus kajian. Matlamat utama tinjauan sistematik ini adalah untuk meneroka faktor yang mempengaruhi masalah psikososial dan bentuk sokongan sosial yang diterima golongan belia berlatar belakang B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dua tema utama yang boleh diklasifikasikan berkenaan tema kajian lepas isu psikososial dan sokongan sosial dalam kalangan belia B40 di Malaysia. Antara tema utama adalah; 1) isu psikososial, dan 2) bentuk sokongan sosial.

ABSTRACT

This study aims to identify previous research that has been published related to psychosocial issues among youth from B40 families during the COVID-19 pandemic. This study also aims to identify research themes and discussions about psychosocial issues among youth from B40 families in Malaysia during the COVID-19 pandemic. Researchers have examined past literature studies starting from 2014 to

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2020 using reference sources such as ResearchGate, Google Scholar, and Education Resources Information Center (ERIC) with a total of seventeen studies that have been found. The articles that have been collected are then examined to ensure that the selected articles meet the focus of the study. The main aim of this systematic review is to explore the factors that influence the psychosocial problems of youth from B40 backgrounds affected by the COVID-19 pandemic. Overall, this study shows that there are two main themes that can be classified in relation to the themes of previous studies on psychosocial issues and social support among B40 youth in Malaysia. Among the main themes are; 1) psychosocial issues, and 2) forms of social support.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberi sumbangan maklumat berkaitan isu psikososial dan keperluan golongan belia B40 ketika pandemik COVID-19 berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Maklumat ini boleh digunakan bagi membantu pihak kerajaan dan badan-badan berkaitan menyediakan perkhidmatan sokongan sosial yang sewajarnya bagi memastikan kesejahteraan psikososial golongan belia B40 dapat dicapai dan meneruskan kelangsungan hidup dengan sejahtera.

1. Pengenalan

Secara umumnya, negara Malaysia pernah dilanda wabak pandemik *Novel Coronavirus* atau dikenali sebagai COVID-19. Wabak ini juga boleh dikaitkan dengan bencana penularan wabak penyakit di mana ianya berlaku di seluruh dunia. Malaysia telah mengalami tiga gelombang utama pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Gelombang pertama bermula pada 25 Januari sehingga 16 Februari 2020 seiring dengan pengumuman rasmi dari Pertubuhan Kesihatan Dunia bahawa COVID-19 telah diisytiharkan sebagai pandemik. Namun, gelombang kedua pula pada 27 Februari sehingga 30 Jun 2020, iaitu ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengehadkan pergerakan masyarakat daripada jangkitan COVID-19. Akhir sekali, gelombang ketiga berlaku pada 8 September sehingga awal Disember 2020 (Aw et al., 2021).

Namun, Malaysia pula mengambil inisiatif untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan rantaian pandemik COVID-19. Hal ini menyebabkan kebanyakan golongan B40 di kawasan bandar telah terkesan ketika penularan wabak pandemik COVID-19 terutamanya banyak sektor perniagaan terpaksa ditutup dan diberhentikan kerja (Ibhrim et al., 2022). Walau bagaimanapun, kesan dan impak bencana wabak penyakit COVID-19 terhadap masyarakat B40 adalah dari segi ekonomi, kesihatan mental, persekitaran sosial, guru dan pelajar, isu pengangguran dan sebagainya (Mohd Hisham, 2020). Memandangkan keadaan ekonomi di Malaysia tidak stabil sepenuhnya akibat pandemik COVID-19, isu pengangguran menunjukkan semakin meningkat terhadap kadar pekerjaan dari pelbagai sektor seperti, perkilangan, kemahiran, perniagaan (Mohd Hisham, 2020).

Serlachius, Badawy dan Thabrew (2020) menyatakan bahawa setiap cabaran dan rintangan terhadap isu psikososial memberi peluang, harapan dan kebaikan kepada golongan belia ketika pandemik COVID-19, antaranya adalah mengurangkan tekanan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

akademik dan sosial, meningkatkan masa bersama keluarga, mengurangkan akses kepada bahan, akses yang lebih mudah kepada penjagaan kesihatan menggunakan teknologi, dan peluang untuk membina daya tahan. Isu psikososial dalam kalangan belia juga dikategorikan kepada permasalahan yang dialami iaitu kekurangan perhatian, masalah luaran, dan masalah dalaman seperti kemurungan dan kebimbangan (Timalsina et al., 2018).

Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah menyebabkan beberapa faktor utama terhadap isu psikososial kepada golongan belia B40. Oleh itu, kepekaan dan penilaian intervensi dari pekerja sosial terhadap isu psikososial ini menyebabkan mereka bertindak untuk melakukan bentuk sokongan sosial yang bersesuaian kepada golongan B40 terutamanya berjauhan dari keluarga (Berkman, 2015).

2. Metod Kajian

Untuk menjalankan tinjauan sistematik ini, penyelidik telah merujuk kepada langkah yang disarankan oleh Khan et al. (2003) sebagai rujukan penulisan seperti yang diringkaskan di Rajah 1. Menurut Khan et al. (2003), beliau menyatakan bahawa terdapat lima langkah untuk menjalankan tinjauan sistematik iaitu merangka soalan, mengenal pasti keberkesanan kajian, penilaian terhadap kualiti kajian, ringkasan bukti dan interpretasi dapatan atau hasil kajian.

Rajah 1: Lima Langkah Dalam Tinjauan Sistematik

Sumber: Khan et. al. (2003)

2.1. Pembentukan Soalan Kajian

Kajian tinjauan sistematik ini menumpukan isu psikososial terhadap golongan Belia B40 dan bentuk sokongan sosial yang diperlukan ketika pandemik COVID-19. Maka, kajian ini akan memberikan maklumat penting untuk penyelidikan secara terperinci yang dapat dilakukan dalam bidang kajian ini. Oleh itu, persoalan kajian di bawah akan menjadi fokus utama terhadap penulisan tinjauan sistematik ini:

i. Apakah isu psikososial dan sokongan sosial yang diperlukan oleh golongan Belia B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19?

2.2. Strategi pencarian sistematik

Penyelidik akan membuat pencarian kajian secara meluas atau menyeluruh daripada pelbagai sumber pangkalan data. Proses saringan penyelidikan harus diambil secara langsung dari persoalan kajian dan diperjelaskan dengan tepat. Dalam tinjauan sistematik ini, penyelidik akan menggunakan kata kunci seperti “Psikososial”, “Sokongan Sosial”, “COVID-19”, “Golongan B40”, “Belia” bagi tujuan pencarian pengkalan data kajian

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

melalui *Google Scholar, ResearchGate* dan *Education Resources Information Centre* (ERIC) untuk pencarian kajian atau artikel bermula pada tahun 2014 sehingga 2021. Secara keseluruhannya, penyelidik telah menemui sebanyak 145 artikel yang membincangkan tentang isu psikososial dan sokongan sosial terhadap golongan belia B40. Namun, hanya 14 artikel sahaja yang dipadankan dalam kajian ini dengan menepati kriteria yang ditetapkan dalam Jadual 1. Semua artikel tersebut adalah jurnal artikel.

Jadual 1: Proses Saringan

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Pangkalan Data	Penerbitan melalui pangkalan data yang sah seperti *ResearchGate, Google Scholar* dan *Education Resources Information Centre*	Penerbitan melalui pangkalan data yang tidak sah
Garis Masa Penerbitan	2014 – 2021	Sebelum 2014
Jenis Dokumen	Artikel Jurnal	Sorotan Literatur
Kondisi Dokumen	Artikel	
Bahasa	Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris	Selain dari Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris
Sifat Pengajian	Berfokus terhadap isu psikososial dan sokongan sosial terhadap golongan B40 akibat COVID-19	Tidak berfokus terhadap isu psikososial dan sokongan sosial terhadap golongan B40 akibat COVID-19
Penetapan	Perlu dilaksanakan terhadap golongan belia berlatar belakang golongan B40	Tidak dilaksanakan terhadap golongan belia berlatar belakang golongan B40

2.3. Penilaian Terhadap Kualiti Kajian

Untuk memastikan pencarian artikel atau kajian adalah bersesuaian terhadap kriteria dan jawapan terhadap persoalan kajian, penyelidik dapat memilih kriteria mana yang harus disertakan dan dihilangkan, yang kemudian dapat disusun jika perlu seperti Jadual 2.

Jadual 2: Penilaian Data

Proses	Penerangan	Bilangan artikel	
		Disertakan	Dikecualikan
Penilaian Tajuk	Adakah tajuk artikel berkaitan dengan persoalan kajian, objektif dan kata kunci kajian?	17	0
Penilaian Abstrak	Adakah abstrak memenuhi kriteria seperti pengenalan, perumusan matlamat kajian, metodologi yang digunakan, penemuan dan keputusan, kesimpulan, dan kesan kerja penyelidikan?	10	7

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bacaan Diagonal	Adakah pengenalan, tajuk jadual atau rajah, kesimpulan memenuhi persoalan kajian atau objektif kajian apabila kandungan diimbas dalam corak zig zag?	9	8
Bacaan Teks Penuh	Adakah artikel mendapat markah lebih daripada lima (5) untuk memenuhi lima (5) kriteria utama iaitu objektif kajian, tinjauan literatur, isu psikososial, sokongan sosial dan keputusan serta kesimpulan?	17	0

2.4. Pengekstrakan data

Untuk langkah ini pula melibatkan sintesis data termasuk tabulasi ciri-ciri penyelidikan, kualiti, dan kesan, serta nama pengarang artikel, tahun penerbitan dan kata kunci untuk membandingkan dan menggabungkan hasil penyiasatan yang berbeza. Jadual 3 melampirkan ringkasan keseluruhan yang dibuat oleh penyelidik untuk membuat semakan ringkas mengenai dua data utama, iaitu isu psikososial dan sokongan sosial.

Jadual 3: Jenis ringkasan artikel mengenai isu psikososial dan bentuk sokongan sosial

Penyelidik	Data	
	Isu Psikososial	**Bentuk Sokongan Sosial**
Abdul Aziz et al. (2020)	Tekanan psikologi seperti takut, cemas, tertekan, bimbang dan murung	Strategi daya tindak atau *coping strategy* Pengurusan masa untuk relaksasi diri dan minda Komunikasi dua hala yang efektif
Ali & Rashid (2020)	Individu mengalami penderaan fizikal, mental, emosi dan seksual serta eksploitasi	Talian Kasih untuk membantu keperluan bagi golongan kanak-kanak, wanita, OKU dan warga emas Bantuan dalam bentuk sumbangan makanan, minuman, duit dan kemahiran sedia ada
Lázaro-Pérez et al. (2020)	Individu mengalami tahap keresahan kematian, proses kematian dan ketakutan dalam kematian	Menawarkan bantuan rawatan psikologikal atau psikiatri Membangunkan program untuk mengurangkan kadar kemurungan dalam menghadapi kematian dan stres
Sundarasen et al. (2020)	Tahap kebimbangan	Mengekalkan kesihatan, bersenam dan waktu tidur Sentiasa berhubung sesama ahli keluarga secara *virtual*
Yang et al. (2020)	Kualiti tidur, kemurungan dan keresahan	Sokongan sosial yang positif dapat memberi kelegaan terhadap tahap stres dan kebimbangan Keadaan fizikal mampu melegakan stres
El-Zoghby et al. (2020)	Stres mengenai kerja, stres	Sokongan dari rakan-rakan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

	dari segi kewangan dan stres dari rumah	Sokongan dari ahli keluarga
Mohd Khir et al. (2020)	Stres & kemurungan,	Penghargaan kendiri Sokongan dari ahli keluarga Sokongan dari rakan-rakan Pengaruh persekitaran sosial
Tharshini et al. (2020)	Kemurungan, kebimbangan & tingkah laku antisosial	Penghargaan kendiri Kefungsian sosial Sokongan dari ahli keluarga Meluangkan masa lebih bersama ahli keluarga
Serlachius, Badawy & Thabrew (2020)	Kebimbangan, stres dan kemurungan	Akses yang lebih mudah kepada penjagaan kesihatan menggunakan teknologi, dan peluang untuk membina daya tahan.
Mustafa et al. (2019)	Aspek psikososial yang cenderung dalam tingkah laku agresif	Peranan ibu bapa menjadi model yang dapat dicontohi terhadap anak-anak Kepentingan penghargaan kendiri yang mempengaruhi terhadap kejayaan individu dalam kehidupan
Timalsina, Kafle & Timalsina (2018)	Emosi, permasalahan pendidikan dan tingkah laku	Peranan pekerja sosial dan pihak berkuasa untuk mengadakan program kesedaran
Arshat et al. (2018)	Tekanan emosi dan stres	Kekuatan dalam keluarga dan sokongan sosial
Md Nawi et al. (2017)	Stres, kemurungan dan permasalahan emosi	Penghargaan kendiri dalam kalangan pelatih Sokongan dari ahli keluarga Aktiviti harian di Rumah Komuniti
Latiff et al. (2017)	Masalah emosi dan masalah tingkah laku,	Meningkatkan penjagaan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak
Abdullah et al. (2017)	Kanak-kanak autisme akan berasa rendah diri dan cenderung terhadap perlakuan menyendiri serta tidak mahu bergaul dengan orang lain	Kepentingan peranan ibu bapa, guru dan pihak berkaitan untuk mengadakan aktiviti yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan
Berkman (2015)	Stres dan permasalahan tingkah laku	Sokongan sosial dari pekerja sosial
Noremy & Azlinda (2014)	Individu menghadapi masalah psikologi dan tekanan emosi seperti *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD)	Sokongan komuniti dan keluarga Perkhidmatan asas dan keselamatan seperti makan minum, tempat perlindungan dan penjagaan kesihatan Perkhidmatan khusus seperti sokongan psikologikal & psikiatri Sokongan tidak khusus seperti penjagaan asas kesihatan mental dari pegawai kesihatan

Melalui Jadual 3, terdapat beberapa isu psikososial yang dikenal pasti, antaranya adalah tekanan psikologi, masalah psikologi, tingkah laku agresif, merasa rendah diri,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keresahan, kebimbangan, kemurungan dan ketakutan. Dalam hal ini, pengaruh terhadap isu psikososial ini akan diberi solusi dalam bentuk sokongan sosial yang berbeza dan bersesuaian dengan situasi yang dihadapi dalam jadual 3. Namun, hasil dapatan kajian mendapati lapan isu psikososial utama.

4. Hasil Kajian

Setelah mengikuti setiap empat langkah sebelumnya, penyelidik menggunakan proses membandingkan maklumat yang diperoleh untuk mentafsir tema yang terhasil. Artikel yang dipilih bermula dari tahun 2014 sehingga 2021 berlandaskan dengan persoalan kajian. Hasil kajian tersebut dilampirkan dalam bentuk Jadual 4.

Jadual 4: Dapatan kajian yang berkaitan dengan isu psikososial golongan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19

Penulis & Tahun	Reka Bentuk Penyelidikan	Hasil / Keputusan
Abdul Aziz et al. (2020)	Kaedah Kajian Perpustakaan	Impak tinggi terkesan terhadap masyarakat bagi kesihatan mental ketika COVID-19. Individu menggunakan pelbagai kaedah seperti corak pemikiran yang resilien dan minda positif.
Lázaro-Pérez et al. (2020)	Kajian Deskriptif	Mengenal pasti tahap kemurungan individu sebelum kematian Adaptasi secara psikologi dan emosi membawa risiko penularan COVID-19 berhubung dengan kematian.
Yang et al. (2020)	Kajian Kuantitatif	Keadaan sokongan sosial mempengaruhi melalui faktor psikologi, psikososial dan pesakit COVID-19
El-Zoghby et al. (2020)	Kajian Kuantitatif (510 responden dewasa)	Terdapat peningkatan dari segi sosial dan sokongan keluarga apabila responden berkongsi perasaan mereka.
Ali & Rashid (2020)	Kertas Perspektif	Peningkatan kesedaran awam mengenai penjagaan kesihatan mental terutamanya aspek psikososial.
Sundarasen et al. (2020)	Kajian Kuantitatif (983 responden)	Pengaruh psikososial berkait rapat dengan faktor analisis demografi dan tahap kebimbangan ketika pandemik terhadap pelajar universiti.
Tharshini et al. (2020)	Kajian Kuantitatif (306 responden)	Mengutamakan golongan belia yang mempunyai rekod jenayah di Malaysia Analisis kajian adalah berkaitan dengan hubungan antara faktor konsep kendiri dan kesedaran komuniti dengan sokongan sosial.
Mohd Khir et al. (2020)	Kajian Kuantitatif (234 responden)	Mengutamakan pelajar universiti untuk mengesan punca dan kesan kemurungan Tiada tahap kemurungan terhadap responden terlibat dan mengalami sokongan sosial yang tinggi daripada keluarga, rakan-rakan dan pihak terpenting.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Serlachius, Badawy & Thabrew (2020)	Kajian Kes Analisis	Cabaran dan risiko terhadap isu psikososial ketika pandemik COVID-19
Mustafa et al. (2019)	Kajian Kuantitatif (150 responden pelajar)	Pelajar mempunyai tahap penghargaan kendiri yang baik Kecenderungan yang positif apabila pelajar memotivasikan diri dalam menghadapi cabaran.
Arshat et al. (2018)	Kajian Kualitatif	Pengaruh faktor psikososial merupakan punca utama dalam tingkah laku agresif pelajar. Adaptasi daripada tiga tema tekanan telah dikenal pasti iaitu tekanan ekonomi, tekanan emosi dan tekanan keibubapaan
Timalsina, Kafle & Timalsina (2018)	Kajian Kuantitatif (287 responden)	Analisis kajian yang berkaitan dengan golongan remaja dalam isu dan permasalahan psikososial
Abdullah et al. (2017)	Kajian Kuantitatif (200 responden)	Perancangan aktiviti yang bersesuaian dengan kebolehan kanak-kanak autisme.
Latiff et al. (2017)	Kajian Kuantitatif	Keberhasilan daripada ujian DASS-21 menunjukkan bahawa simptom dan status psikososial yang tidak normal berlandaskan simptom kemurungan, kebimbangan dan tekanan
Md Nawi et al. (2017)	Kajian Kuantitatif (100 responden)	Untuk meletakkan dimensi emosi sebagai domain yang kuat dalam menghubungi dengan kemurungan berbanding dimensi yang lain
Berkman (2015)	Kajian Kuantitatif	Mengenal pasti hasil dalam penyelesaian untuk mengadakan sokongan sosial terhadap individu terlibat seperti belia, remaja dan warga emas
Noremy & Azlinda (2014)	Kajian Kes Analisis	Analisis mengenai intervensi psikososial menekankan tentang langkah menyelesaikan masalah keperluan psikososial. Mengutamakan penglibatan komuniti setempat.

4. Perbincangan Kajian

Melalui hasil analisis yang dilakukan, didapati bahawa terdapat perbezaan dari segi hasil kajian di antara para penyelidik berdasarkan isu psikososial yang dihadapi oleh golongan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19 sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Isu psikososial dan bentuk sokongan sosial golongan belia B40

Strata Sosial	Faktor Psikososial	Bentuk Sokongan Sosial
Belia	Kemurungan Kegelisahan Panik	Berjumpa kaunselor Kekerapan komunikasi bersama keluarga dan rakan-rakan
Keluarga	Kerungsingan Kemurungan Stres	Pendedahan mengenai pengurusan kewangan dengan jelas dan teratur

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Komuniti Berkelompok	Masalah kewangan Kemurungan Stres Kesusahan untuk mendapat bantuan perubatan dan kesihatan	Pendidikan tentang kepentingan kebersihan kendiri Keperluan makanan dan minuman yang mencukupi

4.1. Tema 1: Isu psikososial

Penyelidik telah mengenal pasti isu psikososial golongan belia B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dari artikel terpilih bermula pada tahun 2014 sehingga 2021. Secara keseluruhannya, penyelidik berfokuskan isu psikososial terhadap kanak-kanak, warga emas dan belia. Hal ini kerana ketiga-tiga golongan ini merupakan golongan rentan yang terdedah kepada risiko isu psikososial. Kajian oleh Abdul Aziz et al. (2020) hanya menumpukan kepada impak pandemik COVID-19 terhadap kesihatan mental dan strategi daya tindak bagi menangani isu kesihatan mental yang dialami di Malaysia. Manakala, Mustafa et al. (2019) menerangkan bahawa isu psikososial sering kali dilihat melalui beberapa faktor seperti penghargaan kendiri, pengherotan kognitif dan kefungsian keluarga terhadap tingkah laku agresif.

Menurut Noremy dan Azlinda, (2014), isu psikososial mempengaruhi faktor daya tahan seperti strategi daya tindak yang dapat melindungi mangsa bencana banjir daripada menghadapi masalah psikologikal yang lebih kritikal. Dubey et al. (2020) menjelaskan bahawa impak pandemik COVID-19 di seluruh dunia, telah menimbulkan pelbagai isu psikososial melalui penyebaran 'infodemik' pelbagai media sosial yang berpunca daripada kejadian rasis, stigmatisasi, dan xenofobia. Lázaro-Pérez et al. (2020) menjelaskan bahawa apabila individu sedang bekerja keras ketika melakukan satu perniagaan atau pekerjaan, ianya akan berpunca kepada peningkatan keletihan dan kebimbangan yang tinggi terhadap golongan belia.

4.2. Tema 2: Bentuk Sokongan Sosial

Penyelidik juga telah mengenal pasti tinjauan sistematik mengenai bentuk sokongan sosial yang diterima. Sokongan sosial merupakan elemen penting dalam membantu dan menangani isu psikososial yang mendorong kepada permasalahan utama kepada individu terutama terhadap golongan belia (Md Nawi et al., 2017). Hal ini adalah penting kerana sokongan sosial mempengaruhi persekitaran sosial agar terjalin satu hubungan yang baik bersama ahli keluarga dan anggota masyarakat lain (Tharshini et al., 2020). Mohd Khir et al. (2020) menjelaskan bahawa tahap sokongan sosial yang tinggi membantu golongan belia menghadapi kemurungan dan tekanan apabila di universiti. Kebanyakan belia kini terutamanya berada di universiti mempunyai sokongan sosial yang kuat ketika pandemik COVID-19 dari rakan-rakan dan ahli keluarga.

Menurut Arshat et al. (2018) pula menjelaskan bahawa sokongan yang kuat dari ahli keluarga dan mempunyai sumber pendapatan yang kukuh boleh mempengaruhi kestabilan dan menguatkan lagi sokongan sosial golongan B40. Sebagai contohnya, apabila terjadinya pandemik COVID-19 terdapat ramai golongan B40 terutamanya golongan belia berkeluarga mengalami kesusahan sehingga mereka berasa putus asa. Namun, setelah pelbagai kaedah diadakan oleh pihak kerajaan untuk mengadakan sokongan sosial, golongan B40 menghadapi kehidupan harian dengan teratur dan tersusun semula. Md Nawi et al. (2017) pula menjelaskan bahawa sokongan sosial adalah perlu bagi membantu individu yang menghadapi masalah kesihatan, meningkatkan semangat kekitaan dan harga diri dalam kalangan individu sendiri, dan merangsang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kesihatan mental yang positif. Kajian mendapati bahawa sokongan sosial terhadap dimensi emosi sebagai aspek utama mempunyai satu nilai korelasi yang lebih kukuh berhubungan secara negatif dengan kemurungan berbanding dengan dimensi yang lain.

5. Rumusan

Kajian tinjauan sistematik yang diadakan oleh penyelidik adalah untuk mengenal pasti isu psikososial golongan B40 yang terkesan ketika pandemik COVID-19. COVID-19 telah memberi kesan dan impak yang drastik di seluruh dunia terutamanya golongan belia B40 di Malaysia. Dari pelbagai aspek seperti kemurungan, kegelisahan, tekanan, takut dan kebimbangan. Kesemua isu tersebut telah mempengaruhi kehidupan harian masyarakat B40 yang terjejas ketika pandemik COVID-19 seperti masalah kewangan, kehilangan keluarga, tidak bersosial dengan sahabat dan keluarga, dan kehilangan pekerjaan atau perniagaan.

Penghargaan *(Acknowledgement)*

Terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan *(Funding)*

Kajian dan penerbitan ini dibiayai oleh geran TAP-K016736.

Konflik Kepentingan *(Conflict of Interest)*

Penulis mengakui tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abdul Aziz, A. Rashid, Mohd Sukor, N., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak COVID-19 : pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research, 2*(4), 156–174.

Abdullah, R., Siraj, S., Nor, M. M., & Madhyazhagan. (2017). Penyesuaian Psikososial Terhadap Tindak Balas Kedamaian (Peace) Dalam Kalangan Kanak. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), 1*(1), 208–213.

Ali, E., & Rashid, M. A. (2020). Pandemik covid 19 mendepani impak psikososial. Pandemik Covid: Mendepani Impak Psikososial. *Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)*.

Arshat, Z., Pai, F. S., & Ismail, Z. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan B40 Family: Stress and Strength. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences, 10*(1), 91–102.

Aw, S. B., Teh, B. T., Ling, G. H. T., Leng, P. C., Chan, W. H., & Ahmad, M. H. (2021). The covid-19 pandemic situation in malaysia: Lessons learned from the perspective of population density*. International Journal of Environmental Research and Public Health, 18*(12). https://doi.org/10.3390/ijerph18126566

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Berkman, L. F. (2015). Social Work in Health Care Social Support , Social Networks , Social Cohesion and Health Social Support , Social Networks , Social Cohesion and Health. *Social Work in Health Care, 31*(2), 3-14. https://doi.org/10.1300/J010v31n02

Dubey, S., Biswas, P., Ghosh, R., Chatterjee, S., Dubey, M. J., Chatterjee, S., Lahiri, D., & Lavie, C. J. (2020). Psychosocial impact of COVID-19. Diabetes and Metabolic Syndrome. *Clinical Research and Reviews, 14*(5), 779–788. https://doi.org/10.1016/j.dsx.2020.05.035

El-Zoghby, S. M., Soltan, E. M., & Salama, H. M. (2020). Impact of the COVID-19 Pandemic on Mental Health and Social Support among Adult Egyptians. *Journal of Community Health, 45*(4), 689–695. https://doi.org/10.1007/s10900-020-00853-5

Ibhrim, Z., Zainuddin, M., Muda, Z., Raffar, I. N. A. zur, & Aziz, S. A. (2022). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Isi Rumah B40: Satu Kajian Rintis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB), 7*(39), 39–52. https://doi.org/10.55573/IJAFB.073905

Khan, K. S., Kunz, R., Kleijnen, J., & Antes, G. (2003). Five steps to conducting a systematic review. *Journal of the Royal Society of Medicine, 96*(3), 118–121. https://doi.org/10.1258/jrsm.96.3.118

Latiff, L. A., Tajik, E., Ibrahim, N., Bakar, A. S. A., & Shirin, S. S. A. A. (2017). Psychosocial problem and its associated factors among adolescents in the secondary schools in Pasir Gudang, Johor. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences, 13*(1), 35–44.

Lázaro-Pérez, C., Martínez-López, J. Á., Gómez-Galán, J., & Fernández-Martínez, M. D. M. (2020). Covid-19 pandemic and death anxiety in security forces in spain. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 17*(21), 1–16. https://doi.org/10.3390/ijerph17217760

Md Nawi, N. H., Ahmat, M. F., Sied Esahak, S. M. F., Awang Hamat, Z., & Iesnordin, I. (2017). Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan dalam Kalangan Penagih Dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial,* 29–49. https://doi.org/10.32890/jps.20.2017.11547

Mohd Hisham, M. S. (2020). Perhalusi Segala Impak sosial, ekonomi dicetuskan pandemik. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/10/744777/perhalusi-segala-impak-sosial-ekonomi-dicetuskan-pandemik

Mohd Khir, A., Rodzuwan, N. A. S., Md. Noor, A., Wan Jaafar, W. M., & Hassan, M. M. (2020). Sokongan Sosial, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan dalam kalangan Mahasiswa di Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5*(11), 33–42. https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.547

Mustafa, N. A. A., Kamaluddin, M. R., Murad, F. A., Rathakrishnan, B., Md Akhir, N., & Nasir, N. C. M. (2019). *Malaysian Journal of Youth Studies. Malaysian Journal of Youth Studies, 20*(2), 1–110.

Noremy, M. A., & Azlinda, A. (2014). Intervensi Psikososial Berasaskan Pendekatan Kerja Sosial bagi Komuniti Mangsa Banjir di Malaysia. *International Social Development Conference*, 1–6.

Serlachius, A., Badawy, S. M., & Thabrew, H. (2020). Psychosocial challenges and opportunities for youth with chronic health conditions during the COVID-19 pandemic. *JMIR Pediatrics and Parenting, 3*(2), 1–8. https://doi.org/10.2196/23057

Sundarasen, S., Chinna, K., Kamaludin, K., Nurunnabi, M., Baloch, G. M., Khoshaim, H. B., Hossain, S. F. A., & Sukayt, A. (2020). Psychological impact of covid-19 and lockdown among university students in malaysia: Implications and policy

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

recommendations. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 17*(17), 1–13. https://doi.org/10.3390/ijerph17176206

Tharshini, N. k., Ibrahim, F., Mohamad, M. S., & Zakaria, E. (2020). Hubungan di antara Konsep Kendiri dan Kesedaran Komuniti dengan Sokongan Sosial bagi Pesalah Muda di Malaysia. *Akademika, 90*(3), 39–48. https://doi.org/10.17576/akad-2020-9003-04

Timalsina, M., Kafle, M., & Timalsina, R. (2018). Psychosocial Problems among School Going Adolescents in Nepal. *Psychiatry Journal,* 2018, 1–6. https://doi.org/10.1155/2018/4675096

Yang, X., Yang, X., Kumar, P., Cao, B., Ma, X., & Li, T. (2020). Social support and clinical improvement in COVID-19 positive patients in China. *Nursing Outlook, 68*(6), 830–837. https://doi.org/10.1016/j.outlook.2020.08.008

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).